

ISU	JTM, UKM jalin kerjasama
Akhbar	Sinar Harian
Tarikh	26 April 2019
Ruang	Ampang, Hulu Langat
Muka Surat	35

# JTM, UKM jalin kerjasama

**Platform promosi dan komersial produk inovasi**

AHMAD ISMADI ISMAIL

BANGI

Jalinan kerjasama antara Jabatan Tenaga Manusia (JTM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dapat membantu mempromosi dan mengkomersialkan produk inovasi yang dihasilkan oleh penuntut dan pengajar di 32 Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM).

Pengarah Jabatan Tenaga Manusia, Datuk Mohd Khair Razman Mohamed Annuar berkata, sebelum ini ILJTM menghadapi ke-

kangan memasarkan produk berkenaan sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Beliau berkata, projek kerjasama JTM-UKM adalah tepat pada masanya selaras dengan hasrat kerajaan melahirkan lebih ramai usahawan teknikal (technopreneurs) di seluruh negara.

"Projek ini akan dijalankan oleh kumpulan penyelidikan UKM yang telah dilantik bagi tempoh tiga tahun," katanya ketika berucap pada Majlis menandatangani Memorandum Perjanjian (MOA) antara JTM dan UKM di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran dan Naib Canselor UKM, Prof Ir Dr Mohd Hamdi Abd Shukur.

Sementara itu, Mohd Hamdi berkata, pihaknya bersedia berkongsi hasil pe-



Kulasegaran hadir menyaksikan MOA antara JTM dan UKM, di Bangi, semalam.

nyelidikan dan kepakaran sebagai sumbangan universiti itu kepada negara.

"MOA ini turut memberi impak besar terhadap bidang keberhasilan utama

universiti.

"Kerjasama ini juga membuktikan pengiktirafan kepakaran universiti sebagai penyelesaian ke arah memperkasakan ke-

perluan negara serta memberi faedah yang setara kepada agensi terlibat," katanya.

Projek berkenaan turut memperkasakan latihan

info

Membabitkan penuntut dan pengajar 32 institusi ILJTM

Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di ILJTM selaras dengan usaha Jabatan Tenaga Manusia menghadapi Gelombang Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0).

Antara aspek yang akan dilaksanakan ialah sembilan teras utama dalam IR 4.0 dimasukkan ke program semasa dan program baharu di ILJTM.

Kolaborasi JTM-UKM akan turut melaksanakan Program Siswazah IR 4.0. Universiti terlibat diberi latihan kemahiran berasaskan IR 4.0 di ILJTM bagi tempoh antara satu hingga enam bulan.

ISU	'Foreign workers a constant issue'
Akhbar	The Star
Tarikh	26 April 2019
Ruang	Nation
Muka Surat	21

# 'Foreign workers a constant issue'

## But govt still aims to fulfil pledge, says Kula

By HEMANANTHANI SIVANANDAM  
hemananthani@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** Pakatan Harapan pledged to reduce the number of foreign workers in its first term of administration and they must already have plans on how to address this never-ending issue.



However, as the coalition celebrates its first anniversary of being in power, Human Resources Minister M. Kulasegaran (*pic*) admits that it was a difficult issue to overcome.

"This was due to the extraordinary demands from new industries that have emerged in the country.

"It's a big problem for them as they claim that they need more workers because there are no (locals willing to work) here," he said in a special interview.

Pakatan, in its election manifesto, had promised to cut the number of foreign workers from six million to four million during its first term as the government.

While the latest figures were not immediately known, Kulasegaran said one of the biggest challenges he faced since taking office in May last year was the "never-ending issue" of foreign workers.

"A lot of Malaysians may not know that when it comes to foreign workers, the Human Resources Ministry only does the processing and recommendations to the Home Ministry.

"The Home Ministry ultimately decides on it," he said.

However, he quickly added that Pakatan remembered the promise they made.

"While the quantum (from six million to four million) is not impossible to overcome, the instructions are for industries to be auto-



ated. With this, there is less of a dependency on foreign workers.

"The choice is still theirs, so it will take some time for us to realise this," Kulasegaran said.

He also said that among the ministry's greatest challenges was getting physically challenged people into employment.

The other, he said, was to encourage those aged above 60 to return to the job market.

"We have set up a portal with a private college for job matching for physically challenged people.

"As for senior citizens, I have asked the subsidiaries and ministries to also give preference to them besides fresh graduates," he said.

Kulasegaran also said the ministry had been more open in resolving the grouses of both employers and employees to create a better workforce for the nation.

"We have made life better for workers, both local and foreign, in the one year governing the nation.

"We hear them out. We may not be able to fulfil all the demands, but we hear them out and we do what we can.

"We need more time (to resolve outstanding issues)," he said.

ISU	Gaji minimum ikut sektor perlu banyak data
Akhbar	Berita Harian
Tarikh	26 April 2019
Ruang	Persidangan
Muka Surat	14

## Gaji minimum ikut sektor perlu banyak data

**Cadangan** untuk menetapkan gaji minimum mengikut sektor atau lokasi geografi adalah adalah sesuatu yang baik, namun ia agak sukar untuk dilaksanakan.

Ahli Parlimen Rembau, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, berkata dasar gaji minimum yang ada sekarang sememangnya tidak memuaskan hati semua, tetapi untuk menetapkan gaji minimum mengikut sektor atau lokasi geografi memerlukan banyak data dan butiran yang perlu di analisis.

"Sebagai contoh, jika kita tetapkan gaji minimum di Kuala Lumpur ialah RM1,200, berapa pula

seharusnya gaji minimum di Sabah dan Sarawak?"

"Jika pun kita ketepikan perkara sedemikian, bagaimanakah pula untuk kita menetapkan gaji minimum di bandar dan di luar bandar bagi Semenanjung," katanya selepas Forum Ekonomi Malaysia, Isu dan Cabaran anjuran NST di sini, semalam.

Forum dikendalikan oleh Penulis Lidah Pengarang NST, Abdul Rahim Mydin ini turut menampilkan Timbalan Menteri Pertahanan, Liew Chin Tong, sebagai seorang lagi ahli panel.

Gaji minimum mula diperkenalkan pentadbiran Datuk Seri Najib

Razak pada 2012 pada paras RM900 sebulan bagi Semenanjung dan RM800 sebulan bagi Sabah dan Sarawak, diikuti RM1,000 sebulan bagi Semenanjung dan RM920 sebulan bagi Sabah dan Sarawak pada 2016.

### Beban kewangan besar bagi syarikat kecil

September tahun lalu, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kadar gaji minimum baharu ditetapkan pada RM1,050 sebulan atau RM5.05 sejam bagi seluruh negara berkuat kuasa 1 Januari 2019.

Khairy berkata, syarikat besar

mungkin tidak berdepan masalah besar bagi penetapan gaji minimum mengikut sektor, namun bagi syarikat kecil ia mungkin menjadi beban kewangan yang besar.

"Justeru, perkara ini memerlukan kesepakatan pelbagai pihak untuk duduk berbincang. Walaupun ia lebih bersesuaian, tetapi ia bukan sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan," katanya.

Sementara itu, Chin Tong berkata, lebih 78 peratus rakyat negara ini tinggal di bandar dan 75 peratus masyarakat Melayu juga tinggal dan bekerja di bandar yang

mana mengambil kira faktor itu, boleh dikatakan sebahagian besar berada dalam situasi ekonomi yang sama.

"Bagi saya apa yang penting ialah kita memikirkan dasar kebangsaan untuk mewujudkan ekosistem yang mengutamakan nilai dan produktiviti yang mana daripada situ kita boleh menentukan tahap ekonomi yang seterusnya.

"Dari situ juga kita boleh tentukan hala tuju ekonomi dan bagaimana untuk menentukan corak pelaburan untuk menjana pendapatan yang lebih baik, bukan hanya faktor gaji," katanya.